

## **Analisis modul kerohanian Jabatan Penjara Malaysia dan impaknya terhadap banduan**

### **ABSTRAK**

Salah satu daripada program yang dijalankan oleh pihak penjara dalam Fasa Pengukuhan Sahsiah ialah Program Pendidikan dan Bimbingan. Dalam Program Pendidikan dan Bimbingan ini, pihak penjara telah menyediakan satu modul kerohanian yang perlu dipelajari oleh semua banduan. Ia bertujuan untuk menambahkan lagi penguasaan ilmu fardu ain dan ilmu-ilmu berkaitan agama dalam diri setiap banduan dan seterusnya merealisasikan kemantapan dan keberkesanan penghayatan Islam dalam kehidupan mereka, sama ada ketika menjalani hukuman lebih-lebih lagi selepas mereka dibebaskan. Menurut Imam al-Ghazali, tujuan pendidikan Islam itu diajarkan adalah untuk membawa individu ke arah pemantapan iman, pemikiran logik dan mampu membentuk disiplin diri. Tujuan akhirnya ialah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (Ghazali, 2001). Oleh itu, Jabatan Penjara Malaysia mengambil langkah yang terbaik dalam usaha mentarbiah dan mendidik para penghuni di penjara.